

KIK bantu UKM tingkat kualiti perkhidmatan kakitangan

KONVENSYEN Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) kali ke-20 peringkat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dilihat berupaya membantu institusi berkenaan meningkatkan kepercayaan pihak berkepentingan dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih berinovasi.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, **Prof. Datuk Dr. Riza Atiq Abdullah O.K. Rahmat** berkata, usaha yang dilakukan oleh anggota Kumpulan KIK dalam mengenal pasti ruang penambahbaikan nilai perkhidmatan kepada pelanggan wajar diberi penekanan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) UKM.

Katanya, menerusi program tersebut, ia mampu menjadikan sumber manusia UKM lebih berpengetahuan dan berilmu serta berupaya memberikan idea kreatif untuk membuah hasil inovasi dalam perkhidmatan mereka.

“UKM sentiasa mengalu-alukan sebarang produk kualiti berteraskan inovasi dan kreativiti. Perkara-

perkara baharu seumpama ini perlu dilakukan kerana perkembangannya mampu memacu perubahan semasa, sekali gus menyerlahkan kemahiran mereka,” katanya ketika ditemui dalam konvensyen KIK di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Pusat Jaminan Kualiti UKM, Prof. Dr. Shahrir Abdullah.

Menurut Riza Atiq Abdullah, inovasi kreatif yang dihasilkan itu bukan sahaja diiktiraf di peringkat UKM malah turut mendapat pengiktirafan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa melalui beberapa penyertaan konvensyen di peringkat tertinggi.

“Pengurusan UKM amat berharap agar kumpulan KIK yang telah berjaya mengharumkan nama UKM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa mampu menyumbangkan idea untuk membantu dalam menambah baik beberapa isu utama seperti keselamatan, penyelenggaraan

prasarana, tempoh menunggu dan discaj pesakit yang lama serta kemudahan tempat letak kereta,” katanya.

Sebanyak sembilan kumpulan bersaing untuk dua kategori iaitu pengurusan dan teknikal dengan mempamerkan produk serta inovasi yang memberi manfaat kepada organisasi dan aktiviti harian mereka.

Dalam program bertemakan Sumber Manusia dan Institusi Cemerlang itu, kumpulan I-Care dari Jabatan Radioterapi dan Onkologi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM muncul sebagai johan keseluruhan dan membawa pulang piala pusingan.

I-Care yang turut mendapat johan bagi kategori pengurusan diikuti kumpulan B-Med dari Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik, HCTM untuk johan kategori teknikal masing-masing menerima wang tunai sebanyak RM3,000, sijil dan piala iringan.



**DR. RIZA ATIQ
ABDULLAH**